



مجلس بندياري قتاليج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami : MBPJ.UKK.100-9/1/1 (90)

Tarikh : 3 JUN 2022

MAJLIS PELANCARAN SKIM REBAT CUKAI TAKSIRAN RUMAH MESRA ALAM HIJAU PETALING JAYA DAN APLIKASI MBPJ eREBAT TAHUN 2022

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melancarkan Skim Rebat Cubat Taksiran Rumah Mesra Alam Hijau Petaling Jaya dan Aplikasi **MBPJ eRebat**. Majlis Pelancaran itu telah dirasmikan oleh YBrs. Puan TPr. Hajah Sharipah Marhaini binti Syed Ali, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya di Ibu Pejabat MBPJ.

Skim Rebat Cukai Taksiran merupakan antara program terpenting di bawah *Thematic Low Carbon City* MBPJ dan telah dilaksanakan sejak Julai 2011. Tahun 2022 merupakan tahun yang ke-12 skim ini dilaksanakan secara konsisten dan MBPJ merupakan satu-satunya Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia yang menawarkan inisiatif seperti ini.

Skim rebat cukai taksiran ini bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada penduduk Petaling Jaya yang mengamalkan gaya hidup yang mesra alam. Ini secara tidak langsung penduduk PJ juga telah membantu menjadikan bandar Petaling Jaya sebuah bandaraya yang hijau dan berkarbon rendah.

Program Skim Rebat Cukai Taksiran adalah usaha dan langkah yang telah dikenalpasti di dalam *MBPJ Low Carbon City Action Plan*. Melalui pelaksanaan skim ini, dijangka pengurangan karbon bagi sektor *Residential Emissions* adalah sebanyak 4,000 tan karbon dioksida setahun dapat dicapai.

Rebat ini ditawarkan kepada pemilik rumah yang menjalankan inisiatif mesra alam menerusi aspek:-

- Tenaga sama ada tenaga elektrik atau solar,
- Penjimatan air,
- Pengurusan sampah menerusi 3R,
- Pengangkutan seperti menggunakan pengangkutan awam, dan
- Menanam pokok di kawasan rumah melalui aspek kepelbagaian biologi.



Setiap permohonan akan dinilai oleh panel penilai bebas yang dilantik oleh Majlis. Permohonan yang layak akan menerima rebat sebanyak maksimum 100 peratus (%) ataupun RM500 (mana satu yang lebih rendah) yang dikreditkan terus ke dalam akaun cukai taksiran pemilik rumah pada tahun hadapan.

Sepanjang tempoh 12 tahun, MBPJ telah menerima sebanyak 2,193 permohonan. Daripada jumlah itu, 1,978 permohonan atau 90.2 peratus (%) telah layak menerima rebat yang berjumlah RM 652,068.17. Selain itu, pada tahun 2021, sebanyak 31 permohonan telah layak menerima rebat 100 peratus (%) daripada 222 permohonan. Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa penduduk Petaling Jaya sentiasa menyokong dan mempraktikkan *sustainable lifestyle* yang dianjurkan oleh Majlis.

Bagi tahun 2022, permohonan boleh dilakukan secara dalam talian melalui aplikasi **MBPJ eRebat** yang boleh dimuat turun di peranti Google Store dan Apple Store mulai **3 Jun hingga 31 Ogos 2022**. Aplikasi ini dibangunkan dengan usahasama MBPJ dan Kementerian Alam Sekitar Dan Air (KASA) melalui program Green Technology Application for Low Carbon Cities. Majlis ingin mengucapkan terima kasih kepada KASA di atas sumbangan RM 150,000.00 bagi membangunkan aplikasi ini.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh hubungi urusetia Sekretariat Pasukan Petugas Low Carbon Green City of Petaling Jaya, **Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ** di talian 03-7954 1440.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

